

125,000 ORANG KETURUNAN BAGINDA ALI DI MESIR

Baharu-baharu ini majalah Al-Masur telah menyebarkan suatu rencana mengenai kaum "Syed" di Mesir. Di bawah tajuk, 125,000 Orang Syarif Keturunan Saidina Ali di Mesir" maka majalah itu berkata:

Kaum "Syed, (Al-Asyraf atau Al-Sadah) ialah keturunan Saidina Ali Ibnu Abi Talib daripada isterinya Saidatina Fatimah binti Rasulullah (SAW) keturunan ini telah kembang biak di segenap pelusuk dunia terutama di Iraq, Hijaz dan Mesir. Ketua kaum Syed di Iraq ialah "Al-Syed Asim Al-Kailani" dan ketua mereka yang di Mesir ialah "Al-Syed Muhammad Al-Bablawi".



Baka Tua

Kembangnya kaum Syed di Mesir adalah berbalik kepada zaman yang terlalu lama, di antara mereka yang termasyhur ialah keluarga "Mukarraman" iaitu keluarga penganjur Mesir yang terkenal Al-Syed Omar Mukarraman ketua kaum Al-Syed atau "Naqib Al-Asyraf" di Mesir pada zaman Muhammad Ali Basya (Pembina kerajaan Mesir yang masih berkekalan hingga hari ini).

Di antara mereka juga ialah keluarga-keluarga "Madkur" "Al-Mahdi" "Rufaat Al-Tahtawi" "Ratib" "Al-Naduri" "Moro" "Hashibad"

"Huzain" dan lain-lain lagi Abdul Fatah Amru Basya duta Mesir di London (yang baharu-baharu ini dilantik menjadi penasihat Al-Malik Farouk) ialah daripada keturunan Saidina Ali juga. Demikian juga Mansur Fahmi Basya yang terkenal dan Husain Zahdi baka bekas Pesuruhjaya Agung Polis.



Al-Syed Muhammad Al-Bablawi Ketua Kaum Al-Syed (Naqib Al-Asyraf) di Mesir.


Gelaran turun temurun

Tiap-tiap seorang daripada keturunan Saidina Ali terkenal dengan panggilan, Al-Syarif" (Zuriat Saidina Al-Hasan) dan "Al-Syed" (Zuriat Saidina Al-Husein) tiap-tiap seorang daripada mereka mempunyai surat pengenalan daripada "Naqabah Al-Asyraf" (Jabatan Hal Ehwal Kaum Syed) Mesir yang dengannya meraka akan mendapat wang tahunan daripada hasil wakaf-wakaf yang telah dikhaskan untuk mereka semenjak zaman Muhammad Ali Basya dahulu.

Wakaf-wakaf tersebut ialah tanah-tanah seluas 250 ekar yang terletak di daerah-daerah "Al-Manufiyah" dan "Al-Syariqiyah" yang telah diwakafkan oleh "Al-Syed Syilbi Nuali" dan "Al-Syed Ahmad Al-Qadri". Demikian juga lima buah rumah batu yang terletak di Bandar Kaherah, yang diwakafkan oleh Naqib Al-Asyraf (ketua kaum Syed) dalam zaman Khodowi Ismail.

Hasilnya yang berjumlah 25,000 pound setahun setelah dibahagikan kepada keturunan Saidina Ali yang berjumlah 125,000 di Mesir maka tiap-tiap seorang akan mendapat 20 krosh (kira-kira \$2.00 wang kita di sini- P)

(Sambungan pada muka 38)



Inilah surat pengenalan yang menunjukkan orang yang membawanya berhak menerima habuannya itu.